

Rekod 3,997 kes keganasan rumah tangga sejak 2018

Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merekodkan 3,997 aduan kes keganasan rumah tangga dalam tempoh lima tahun ini sehingga Mac lalu.

Ketua Pengarahnya, Norazman Othman berkata, rekod itu membabitkan wanita dan lelaki pelbagai peringkat umur termasuk kanak-kanak dengan wanita berusia antara 22 hingga 39 tahun adalah yang tertinggi direkodkan diikuti usia 40 hingga 59 tahun.

Menurutnya, sebanyak 673 kes direkodkan pada 2019 membabitkan wanita seramai 627 dan lelaki 46 kes, manakala bagi 2020 sebanyak 1,047 kes membabitkan wanita (939) dan lelaki 108 kes.

“Kes kemudian meningkat pada 2021 iaitu sebanyak 1,234 aduan diterima membabitkan 1,151 (wanita) dan 83 (lelaki) sebelum menurun kepada 843 pada tahun lalu membabitkan 768 kes (wanita) dan 75 (lelaki).

“Bagi tahun ini sehingga Mac lalu sebanyak 200 kes sudah direkodkan dengan 179

adalah wanita dan 21 adalah lelaki,” katanya dalam kenyataan kepada Harian Metro.

Menurutnya, sikap panas baran dikenal pasti antara lima punca utama direkodkan dalam aduan diterima pihaknya yang menyebabkan keganasan rumah tangga.

“Sikap panas baran direkodkan sebanyak 26.49 peratus diikuti perselisihan faham (16.73 peratus), masalah penagihan dadah (10.18 peratus), mengalami masalah kewangan (7.3 peratus) dan cemburu (6.35 peratus),” katanya.

Menurutnya, JKJ sentiasa bersedia membantu mangsa dengan menjelaskan hak perlindungan termasuk urusan lanjut berkaitan dan bantuan lain seperti khidmat kaunseling, menyelaraskan dan program pemulihan mengikut keperluan.

Katanya, mangsa keganasan rumah tangga diminta tampil atau membuat panggilan ke mana-mana balai polis atau Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berhampiran untuk membuat laporan atau aduan.